

Penumpang terpelanting beberapa meter, ramai menangis dan meraung kesakitan

'Lantai tren penuh dengan darah'

KUALA LUMPUR – Ramai memjerit meminta tolong dan meraung kesakitan.

Itu suasana genting yang dialami 213 penumpang selepas dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya bertembung sesama sendiri di laluan terowong bawah tanah antara Stesen KLCC dan Stesen Kampung Baru, kira-kira pukul 8.45 malam kelmarin.

Seorang mangsa, Rizaril Haikal, 21, berkata, paling menyedihkan apabila dia menyaksikan sendiri detik-detik penumpang terpelanting sehingga ada yang berlumuran darah.

Menurutnya, kejadian berlaku ketika dia menaiki tren di Stesen KLCC untuk ke stesen MRT bagi menukar laluan balik ke Damansara Damai.


“Saya tidak pasti apa yang berlaku sama ada pelanggaran atau perkara lain. Namun, hanya beberapa saat selepas tren bergerak, kami terdengar jeritan kuat dari penumpang di gerabak hadapan manakala lampu di gerabak lain tiba-tiba padam.

“Insiden itu turut menyebabkan saya terpelanting beberapa meter hingga merempuh penumpang lain.

“Dalam kesakitan dan ketakutan, saya nampak kesan darah penumpang lain telah memenuhi lantai tren.

“Ramai yang menangis meminta tolong, nampak suasana dalam gerabak kelim-kabut dan semua panik ketika itu,” ujarnya yang berada di gerabak kedua terakhir ketika kejadian berlaku.

Jelas Rizaril, sebelum kejadian, dia berdiri berdekatan pintu gerabak dan tidak sempat berpaut pada mana-mana tiang un-



AFIQU LUQMAN

tuk menyelamatkan diri.

“Kejadian itu menyebabkan dahi saya koyak dan terpaksa menerima rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Kuala Lumpur,” ujarnya yang bekerja sebagai promoter jualan.

Seorang lagi mangsa, Afiq Luqman Mohd. Baharudin, 27, berkata, sebelum kejadian berlaku,

SEBAHAGIAN penumpang yang mengalami kecederaan selepas tren LRT yang mereka naiki bertembung dengan tren lain berdekatan Stesen KLCC kelmarin.

tren berhenti sangat lama di stesen LRT KLCC hampir 15 minit.

“Saya rasa pelik dan tidak sedap hati kerana biasanya tren tidak akan berhenti lama. Sebab pintu tren tertutup, beberapa saat kemudian, saya terdengar dentuman kuat daripada gerabak paling hadapan.

“Pada mulanya saya ingat tren membrek secara mengejut, rupanya tren bertembung dengan tren lain,” ujar pekerja swasta itu.

Jelasnya, insiden itu menyebabkan ramai penumpang yang berdiri dan duduk tercampak serta terpelanting.

“Saya sendiri terperosok ke kerusi bersebelahan menyebabkan mata kiri saya terhantuk,” jelasnya.

Insiden pelanggaran tren LRT

5 LRT LALUAN KELANA JAYA
LRT KELANA JAYA LINE rapidKL



Mangsa terlibat

Penumpang: **213 orang**

Kritikal: **6 orang dan tiga memerlukan bantuan ventilasi**

Separa Kritikal: **15 orang**

Tidak kritikal: **43 orang**

- Tren TR40 (tanpa penumpang) secara Automated Train Operation (ATO) dari Gombak ke Depoh Subang (Arah Selatan) sebelum mengalami kegagalan (timed out) dan berhenti semasa menghampiri platform Stesen Kampung Baru.

- Pusat Kawalan Operasi (OCC) telah mengenal pasti kedudukan TR40 dan mengarahkan pemandu (hostler) untuk memandu TR40 secara manual dari Stesen Kampung Baru menuju ke Stesen Dang Wangi dan perlu bergerak ke arah yang sama bagi memberi laluan kepada tren-tren yang berada di south bound (dalam mod ATO) untuk meneruskan perkhidmatan.



- Dalam masa sama, tren TR81 yang beroperasi secara automatik (ATO) dan membawa 213 penumpang berada dalam keadaan statik di platform Stesen KLCC arah selatan.

- TR81 berlepas dari Stesen KLCC ke Stesen Kampung Baru setelah menerima maklumat bahawa TR40 telah beredar dari Stesen Kampung Baru menuju ke Stesen Dang Wangi.

- Hostler telah menghubungi OCC dan memaklumkan bahawa TR40 bertembung dengan sebuah tren iaitu tren TR81.